

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

84 peratus keluar simpanan tumpung belanja harian

84 peratus keluar simpanan tumpung belanja harian

Kuala Lumpur: Sebanyak 84 peratus rakyat Malaysia didapati tidak mempunyai simpanan jangka panjang atau tabung kecemasan dan terpaksa mengeluarkan semula simpanan pada hujung bulan bagi menampung perbelanjaan harian.

Seramai 52 peratus rakyat Malaysia juga didapati sukar untuk menyimpan RM1,000 untuk kegunaan ketika kecemasan, manakala 76 peratus mempunyai belanjawan, tetapi tidak semua benar-benar mematuhi

belanjawan itu.

Dapatkan itu diperoleh hasil kaji selidik dilakukan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN).

Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, berkata KWSP adalah ahli kepada FEN, yang mengendalikan kajian itu menerusi data Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 hingga 2023.

"Mengikut data itu, 84 peratus rakyat Malaysia mengakui, mereka menyimpan secara tetap ha-

nya untuk jangka pendek sahaja.

"Lazimnya, simpanan itu akan dikeluarkan semula pada hujung bulan untuk menampung perbelanjaan harian," katanya pada Majlis Pelancaran dan Aplikasi Belanjawanku 2022/2023 di Menara KWSP, Kwasa Damansara di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Ahmad Badri berkata, kaji-

an itu menunjukkan perlunya langkah segera membantu masyarakat lebih celic kewangan.

"Data ini jelas menunjukkan bahawa rakyat perlu mempergiatkan lagi pendidikan kewangan dalam meningkatkan literasi kewangan.

"Ini salah satu prasyarat untuk mengukuhkan kesejahteraan kewangan dan masa depan persaraan masing-masing," katanya.

Sementara itu, Amir Hamzah

berkata, pencarum boleh me-

naikkan simpanan tambahan sebanyak 10 peratus bagi membolehkan mereka bersara dengan selesa.

"Jika dilihat kepada caruman ahli KWSP daripada sektor formal, mereka mencarum 11 peratus dan tambahan 12 atau 13 peratus daripada majikan. Disarankan agar menambah lagi 10 peratus bagi menambah simpanan persaraan.

"Bagi sektor tidak formal juga disarankan laksanakan caruman secara sukarela," katanya.